



BICARA PAKAR

"UiTM SPECIAL PROJECTS ON ARCTIC EXPLORATION AND SMALL SATELLITE"

OPPORTUNITY FOR MULTI AND INTERDISCIPLINARY RESEARCH

7 SEPT. 2021 | SELASA 11:00 PAGI

UITM Channel
Perpustakaan UiTM

PANEL

PROF. Ir. DR. MOHAMAD HUZAIMY JUSOH
Head of Laboratory for Space Weather and Satellite System
Pengajian Kejuruteraan Elektrikal Kolej Pengajian Kejuruteraan UiTM Shah Alam

DR. NOOR AZREENA KAMALUDDIN
Penyelaras Green Unit Penyelidikan dan Inovasi Kolej Pengajian Kejuruteraan UiTM Shah Alam

MODERATOR

eSijil disediakan



Untuk menonton semula:



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam telah menganjurkan program bual bicara secara langsung dalam segmen Bicara Pakar yang bertajuk "UiTM Special Projects on Arctic Exploration and Small Satellite": Opportunity For Multi and Interdisciplinary Research pada 7 September 2021. Program ini telah dikendalikan oleh Dr. Noor Azureen Kamaluddin, Penyelaras Green di Unit Penyelidikan dan Inovasi, Kolej Pengajian Kejuruteraan UiTM Shah Alam selaku moderator bersama YBhg Prof. Ir. Dr. Mohamad Huzaimy Jusoh, Head of Laboratory for Space Weather and Satellite System, Pengajian Kejuruteraan Elektrik, Kolej Pengajian Kejuruteraan UiTM Shah Alam.

Program ini dimulakan dengan pengenalan ringkas tentang UiTM Special Projects on Arctic Exploration yang merupakan projek pertama Prof. Mohamad Huzaimy bersama beberapa pakar yang lain yang telah berjaya melakukan Ekspedisi Penyelidikan Antartika Malaysia pada 2016 di Rusia untuk Malaysia-Russia Arctic Project A Bilateral, Collaborative Scientific Research Project: The Proposal For The First Malaysia-Russia Arctic Project. Dalam ekspedisi ini, Prof. diberi amanah untuk mengetuai 8 para penyelidik daripada 6 buah universiti tempatan merupakan The First Independent Scientific Expedition to Artarctic Under Malaysia Antarctic Research Programme (MARP) serta kerjasama MOSTI dan Yayasan Penyelidikan Antarktik Sultan Mizan. Prof. Huzaimy juga berkongsi pengalaman beliau ketika berada di Antarktik yang mana mereka menaiki sebuah kapal layar yang dinamakan Australis. Semasa dalam perjalanan menaiki Australis pelbagai cabaran yang dihadapi seperti tiupan angin yang kuat dan cuaca yang sangat sejuk. Antara penyelidikan yang dilakukan adalah melihat hidupan-hidupan di Antarktik seperti penguin dan melihat himpunan ais di lautan serta gunung-ganang.

Di samping itu, untuk projek kedua pula iaitu "Small Satellite" untuk projek UiTMSAT The First Malaysian Nanosatellite yang telah dilancarkan ke angkasa lepas pada 10 Ogos 2018. Nanosatellite ini direka sebesar sebuah kotak seberat 1.13 kg dan dilancarkan dengan menggunakan Space X CRS-15 Falcon 9 to ISS. UiTM juga telah membina Satellite Ground Station di Tingkat 21, Menara 2, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Kompleks Kejuruteraan Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah UiTM Shah Alam. Antena ini dikawal di bilik kawalan kecil di dalam bangunan tersebut.

Secara keseluruhannya, Prof. Huzaimy mengakui dengan adanya sokongan dan kerjasama daripada semua pihak, kita akan dapat menghasilkan sebuah kejayaan yang cemerlang dan membanggakan. Semoga pengalaman dan ilmu yang dikongsikan ini dapat memberi motivasi kepada semua kakitangan UiTM.

